



2014

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia
www.myipo.gov.my

Kandungan

Contents

4	Profil Korporat <i>Corporate Profile</i>	62	Kerjasama Serantau dan Antarabangsa <i>Regional and Global Co-operation</i>
8	Perutusan <i>Messages</i>	71	Pembangunan Organisasi <i>Organisation Development</i>
19	Anggota Perbadanan <i>Members of Corporation</i>	82	Pembudayaan Harta Intelek <i>Intellectual Property Culture</i>
29	Kumpulan Pengurusan <i>Management Team</i>	125	Prestasi Kewangan <i>Financial Performance</i>
35	Pretasi Harta Intelek <i>Intellectual Property Performance</i>	159	Diari Korporat <i>Corporate Diary</i>
59	Pejabat Cawangan MyIPO <i>MyIPO Branch Offices</i>		

Rasional Kulit

Cover Rationale



Representasi galaksi dipilih sebagai tema muka hadapan laporan tahunan 2014. Ia menunjukkan keunikan harta intelek yang bersifat dinamik serta universal selaras dengan peredaran masa. MyIPO sebagai organisasi yang mentadbir dan mengawal selia sistem pentadbiran serta perundangan harta intelek di Malaysia manakala planet-planet yang mengelilingi logo MyIPO melambangkan enam komponen harta intelek yang beredar dalam orbit undang-undanganya tersendiri. Enam komponen tersebut adalah Cap Dagangan, Paten, Hakcipta, Reka Bentuk Perindustrian, Petunjuk Geografi dan Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu.

The galaxy has been chosen as the theme for the cover of MyIPO's 2014 annual report. It reflects the uniqueness, dynamics and universal of intellectual property over the time. MyIPO acts as custodian of intellectual property system and legislation in Malaysia while all the planets represent the six components of intellectual property in the system. The six components are Trade Marks, Patents, Copyright, Industrial Designs, Geographical Indications and Layout-Designs of Integrated Circuits.

© Hakcipta Terpelihara, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) 2014

© All rights reserved, Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) 2014

Disunting oleh / *Edited by* :

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO), Unit 1-7, Ground Floor, Menara UOA Bangsar, No. 5 Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur

Profil Korporat

Corporate Profile



Sebelum tahun 1983, hak-hak harta intelek di Malaysia telah ditadbir oleh Pejabat Cap Dagangan dan Jaminhak. Pejabat ini kemudiannya telah ditukar namanya kepada Pejabat Cap Dagangan dan Paten dalam tahun 1983 dan telah diletakkan di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Pada 27 Oktober 1990, Kementerian telah membuat penyusunan semula dan seterusnya Pejabat ini telah diletakkan di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah ditukar nama kepada Bahagian Harta Intelek (BHI). Bahagian ini bertanggungjawab mentadbir Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan 1976, dan Akta Hakcipta 1987.

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 telah mula dikuatkuasakan pada 1999, disusuli pada tahun 2000 dengan Akta Susun Atur Litar Bersepadu 2000. Seterusnya pada tahun 2001, Akta Petunjuk Geografi 2000 dikuatkuasakan.

Prior to 1983, intellectual property rights (IPR) in Malaysia were administered by Pejabat Cap Dagangan dan Jaminhak. The name was changed to Pejabat Cap Dagangan dan Paten in 1983 and was administered under the jurisdiction of the then Ministry of Trade and Industry.

On 27 October 1990, the Ministry was restructured and the Office was assigned under the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (MDTCA) which now is known as Ministry of Domestic Trade, Co-operative and Consumerism (MTDCC) and the Office then has changed its name to Intellectual Property Division. The Division was responsible to administer the following acts such as Patents Act 1983, Trade Marks Act 1976, and Copyright Act 1987.

The Industrial Designs Act 1996 came into force in year 1999, followed by the Layout-Designs of Integrated Circuits Act 2000 in year 2000. Later in 2001, the Geographical Indications Act 2000 came into force.

Dalam menghadapi perubahan pembangunan harta intelek di peringkat domestik dan global, BHI telah dijadikan sebuah badan berkanun pada 3 Mac 2003 dan dikenali sebagai Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM) melalui berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002.

Perbadanan telah mengambil langkah penjenamaan semula apabila singkatan PHIM ditukar kepada MyIPO pada 3 Mac 2005 sempena Pelancaran Hari Harta Intelek Negara yang pertama.

In anticipation to the development of intellectual property either locally or internationally, the Division was incorporated on 3 March 2003 and known as the Intellectual Property Corporation of Malaysia (PHIM), with the enforcement of the Intellectual Property Corporation of Malaysia Act 2002.

Intellectual Property Corporation of Malaysia took an important step in rebranding when the acronym PHIM has becoming MyIPO on 3 March 2005 at the launching of the first celebration of National Intellectual Property Day.



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia
www.myipo.gov.my

Visi

VISION

Menjadi salah sebuah organisasi harta intelek terbaik.

To be one of the leading intellectual property organisations.

Misi

MISSION

Menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang cekap ke arah meningkatkan kreativiti dan eksploitasi harta intelek.

Providing strong legal infrastructure and effective administration regime to enhance greater creativity and exploitation of intellectual property.

Objektif

OBJECTIVE

- mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan;
 - memperkukuhkan perundangan harta intelek;
 - menyediakan maklumat harta intelek yang lengkap dan mesra pengguna;
 - menggalakkan program kesedaran awam mengenai kepentingan harta intelek; dan
 - menyediakan khidmat nasihat harta intelek.
- establishing a strong and effective administration;*
• strengthening intellectual property laws;
• providing comprehensive and user-friendly information on intellectual property;
• promoting public awareness programmes on the importance of intellectual property; and
• providing advisory services on intellectual property.

Lagu Rasmi

Official Song

Bersama MyIPO

Paten Idea Baru Ciptaan
Perlindungan Kami Berikan
Juga Cap Dagangan Hakcipta
Dikenali Di Seluruh Dunia

Kreatif Serta Yang Asli
Reka Bentuk Pemaju Industri
Masyhur Seantero Negeri
Petunjuk Geografi

Kami Sedia Membantu, Di MyIPO
Melindung Harta Intelek
Pemudah Pendaftaran, Ciptaan
Efisien Dan Juga Mesra

Meletakkan Negara Malaysia
Setanding Dengan Negara Yang Maju
Menjamin Semua Perlindungan
Hak Harta Intelek

Kami Sedia Membantu, Di MyIPO
Melindung Harta Intelek
Bersikap Profesional, Sedia
Dalam Segala Tindakan

Kami Sedia Membantu, Di MyIPO

Komposer / Composer : Dato' Wah Idris
Lirik Oleh / Lyrics By : MyIPO



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia
www.myipo.gov.my





Perutusan

Messages

Perutusan Menteri

Minister's Foreword



Assalamualaikum

*Wahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam 1 Malaysia*

MyIPO merupakan pemangkin kepada pembangunan harta intelek di negara ini yang memainkan peranan penting dalam mentadbir urus dan mengawal selia sistem perlindungan harta intelek. Sejak pengkorporatan MyIPO pada tahun 2003, kita dapat melihat pelbagai inisiatif baharu telah dilaksanakan bertujuan untuk memperkasakan ekosistem harta intelek di Malaysia.

Tahun 2014 telah menyaksikan pelancaran Portal IPR Marketplace telah mengubah lanskap harta intelek negara. Ia merupakan salah satu usaha untuk menjadikan harta intelek sebagai aset yang boleh didagangkan sebagaimana aset ketara yang lain.

YB Dato' Sri Hasan bin Malek

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism

As the driving force of the nation's intellectual property development, MyIPO plays an important role in administering and regulating the intellectual property protection system. Since the incorporation of MyIPO in 2003, we have seen numerous new initiatives being implemented to strengthen the intellectual property ecosystem in Malaysia.

The recent launching of IPR Marketplace Portal in 2014 has changed the nation's intellectual property landscape. It was also one of the efforts to trade intellectual property as other tangible assets.

Saya bangga dengan langkah proaktif MyIPO yang telah membangunkan projek perintis Portal IPR Marketplace sebagai platform menghubungkan pemunya harta intelek dengan pembeli dan pelabur berpotensi. Inisiatif ini membuka peluang baharu kepada pemilik harta intelek dan usahawan tempatan untuk menyenaraikan harta intelek mereka dalam portal tersebut bagi tujuan diperdagangkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Satu lagi inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan adalah untuk membangunkan Technology and Innovation Support Centers (TISC) dikenali sebagai "Patent Library" di beberapa universiti dan pusat penyelidikan tempatan yang terpilih di Malaysia. TISC akan beroperasi sebagai pusat pembangunan dan pengembangan maklumat harta intelek dan inovasi baharu yang bakal menjadi rujukan. Projek ini merupakan salah satu inisiatif yang terkandung dalam Pelan Tindakan ASEAN Mengenai Harta Intelek 2011-2015.

Bagi terus memberi kemudahan kepada stakeholders, MyIPO juga telah melancarkan projek perintis Patent Prosecution Highway (PPH) bersama Japan Patent Office (JPO) bermula pada 1 Oktober 2014. Program ini merupakan satu inisiatif untuk menyediakan prosedur pemeriksaan yang lebih efektif melalui perkongsian maklumat antara kedua-dua pejabat harta intelek.

Di peringkat serantau, Malaysia merupakan ahli kepada Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Kerjasama Harta Intelek (AWGIPC) yang dianggotai oleh 10 negara ASEAN. Jawatankuasa kerja ini telah diberi mandat untuk merangka, menyelaraskan dan melaksanakan program dan aktiviti berkaitan hak harta intelek di rantau ini.

I am proud that MyIPO has taken a proactive step to develop IPR Marketplace Portal as a platform to link intellectual property owners with potential buyers and investors. This initiative provides new opportunities for intellectual property owners and local entrepreneurs to list their intellectual property assets in the portal for both national and international trade.

The Technology and Innovation Support Centers (TISC) known as "Patent Library" is an initiative that has been established by the Government at selected local universities and research centres. TISC will be operating as a reference centre for development and expansion of information on intellectual property and new innovations. This project is one of the initiatives implemented under the ASEAN Intellectual Property Rights Action Plan 2011-2015.

With effective from 1 October 2014, MyIPO has launched a pioneer project, the Patent Prosecution Highway (PPH) procedure in collaboration with Japan Patent Office (JPO) to facilitate the stakeholders. This programme is an initiative to provide an accelerated examination procedure through information sharing between both intellectual property offices.

Regionally, Malaysia is one of the 10 members of the ASEAN Working Group on Intellectual Property Cooperation (AWGIPC). The Working Committee has been given the mandate to plan, coordinate and implement Intellectual Property Right's programmes and activities in the region.

Malaysia memainkan peranan yang aktif dalam kumpulan kerja tersebut dan telah dipilih menjadi Lead Country untuk lima daripada 28 inisiatif yang digariskan di bawah lima matlamat strategik (Strategic Goals) yang terkandung di bawah Pelan Tindakan ASEAN mengenai Harta Intelek 2011-2015.

Lima inisiatif tersebut merangkumi penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi dan hak cipta. Selain itu, Malaysia juga turut diberi tanggungjawab untuk membangunkan kurikulum latihan pegawai pemeriksa paten dan program kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek di kalangan industri kecil dan sederhana (IKS) rantau ini.

Saya percaya MyIPO akan lebih berdaya maju dalam memenuhi perubahan global serta berupaya memacu kemajuan harta intelek di negara ini.

Terima kasih.

Malaysia also plays a very active role in that working group and has been appointed as a Lead Country for five of the 28 initiatives outlined under the five Strategic Goals in the ASEAN Action Plan on Intellectual Property 2011-2015.

The five initiatives include enhancement of the delivery system of trade marks, patents, industrial designs, geographical indications and copyright. In addition, Malaysia was also given the responsibility to develop a training curriculum for patent examiners and awareness programmes on the importance of intellectual property protection among small and medium enterprises (SME) in the region.

I believe that MyIPO will continue to be more progressive in keeping up with the global changes and for the betterment of intellectual property landscape.

Thank you.

YB Dato' Sri Hasan bin Malek

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism

“ Malaysia telah dipilih menjadi Lead Country untuk lima inisiatif yang terkandung di bawah Pelan Tindakan ASEAN mengenai Harta Intelek 2011-2015.

Malaysia has been appointed as a Lead Country for five initiatives outlined in the ASEAN Action Plan on Intellectual Property 2011-2015. ”

Perutusan Pengerusi

Chairman's Foreword



Assalamualaikum

*Warakmatullahi Wabarakatuh
dan Salam 1 Malaysia*

Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya saya diberi kesempatan untuk membentangkan Laporan Tahunan MyIPO 2014 dan menyampaikan perutusan ini bagi pihak Anggota Perbadanan.

Misi MyIPO adalah untuk menyediakan sistem perlindungan harta intelek yang kukuh dan berkesan serta bertaraf dunia dengan mengambil kira keperluan dan harapan daripada stakeholders utama serta cabaran-cabaran yang perlu ditangani. MyIPO telah menjalankan beberapa strategi teras yang telah digariskan seperti pembangunan dan penambahbaikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pengurusan kewangan yang berhemah, pembangunan sumber manusia yang berterusan dan peningkatan imej korporat. Selain itu, MyIPO juga terlibat dalam program bina upaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta meneruskan program 'outreach' harta intelek di seluruh Malaysia dengan kerjasama pelbagai pihak.

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail

Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia

I would like to express my utmost gratitude to Allah S.W.T for giving me the opportunity to present the 2014 Annual Report of MyIPO and to deliver this statement on behalf of the Members of Corporation.

MyIPO's mission is to establish a strong and effective intellectual property protection system that corresponds to the world class standard by taking into account the needs and expectations of our stakeholders as well as addressing the challenges ahead. A number of core strategies were outlined by MyIPO which include the development and improvement of Information and Communications Technology (ICT), prudent financial expenditure, continuous human resource development and to enhance our corporate image. In addition, MyIPO has engaged numbers of capacity building programmes at national and international level and continue our outreach programmes by collaborating with various agencies.

Prestasi Kewangan 2014

Pada 2014, MyIPO telah mencatat pendapatan keseluruhan berjumlah RM83.06 juta dengan peningkatan 2.61% (2013:RM80.95 juta). Jumlah pendapatan tersebut merangkumi pendapatan operasi RM72.04 juta, meningkat sebanyak 1.61% (2013:RM70.90 juta) dan pendapatan-pendapatan lain sebanyak RM11.03 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak 9.74% (2013:RM10.05 juta).

Sumber lain yang turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan MyIPO adalah seperti simpanan tetap, geran pembangunan, geran penilaian harta intelek dan lain-lain.

Pendapatan operasi terdiri daripada paten RM21.90 juta, cap dagangan RM45.08 juta, reka bentuk perindustrian RM4.88 juta, petunjuk geografi RM21,720 dan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta RM151,950.

Pencapaian 2014

Pada 2014, sejumlah 44,241 permohonan harta industri telah diterima dengan peningkatan 6.3% (2013:41,638). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,760 adalah permohonan paten dengan peningkatan 5.6% (2013:7,350), manakala 34,571 adalah permohonan cap dagangan dengan peningkatan 7.3% (2013:32,225). Permohonan petunjuk geografi meningkat 180% dengan penerimaan 28 permohonan baharu (2013:10). Bagi reka bentuk perindustrian pula, 1,882 permohonan telah diterima dengan penurunan sebanyak 8.3% (2013:2,053).

2014 Financial Performance

In 2014, MyIPO recorded a total income of RM83.06 million, an increase of 2.61% (2013:RM80.95 million). The total income consists of operating income RM72.04 million, an increase of 1.61% (2013:RM70.90 million) and other incomes RM11.03 million, an increase of 9.74% (2013:RM10.05 million).

Other sources that has contributed to the increase in MyIPO's income include fixed deposits, development grants, intellectual property valuation grants and others.

Operating income consisted of RM21.90 million from patents, RM45.08 million from trade marks, RM4.88 million from industrial designs, RM21,720 from geographical indications and RM151,950 from Copyright Voluntary Notification.

2014 Achievements

In 2014, a total of 44,241 industrial property applications were received, an increase of 6.3% (2013:41,638). Patents recorded a total of 7,760 applications, an increase of 5.6% (2013:7,350). Trade Marks recorded a total of 34,571 applications, an increase of 7.3% (2013:32,225). Geographical Indications applications saw an increased of 180% with 28 new applications were received (2013:10). However, Industrial Designs were decreased by 8.3% to 1,882 applications (2013:2,053).

180%

Permohonan petunjuk geografi meningkat 180% dengan penerimaan 28 permohonan baharu (2013:10).

Geographical Indications applications saw an increased of 180% with 28 new applications filed (2013:10).

Manakala sebanyak 2,349 Pemberitahuan Hak Cipta Secara Sukarela telah diterima, peningkatan sebanyak 93.2% berbanding tahun lepas.

Bagi pendaftaran harta industri pula, sejumlah 32,106 pendaftaran telah dicatatkan dengan peningkatan 1.4% (2013:31,671). Daripada jumlah pendaftaran tersebut, 2,762 adalah pemberian geran paten dengan peningkatan 2.6% (2013:2,691), manakala pendaftaran cap dagangan adalah sebanyak 27,428 dengan peningkatan 1.7% (2013:26,979). Permohonan reka bentuk perindustrian yang telah didaftarkan pula adalah 1,891 dengan penurunan 5.5% (2013:2,001). Pendaftaran petunjuk geografi adalah sebanyak 25 (2013:0).

Sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan perlindungan harta intelek di samping menggalakkan pendaftaran, MyIPO telah meneruskan kempen kesedaran secara intensif sepanjang 2014. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti seminar, bengkel, latihan dan pameran mengenai harta intelek. Sepanjang 2014, MyIPO telah mengadakan sebanyak 193 program kesedaran harta intelek.

Pada September 2014, MyIPO sekali lagi menganjurkan Program IP Summer Camp untuk siri kedua di samping meneruskan aktiviti-aktiviti turun padang ke seluruh negara.

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan salah satu usaha murni MyIPO dalam mendekati dan membantu masyarakat. Sehubungan itu, MyIPO telah menganjurkan pelbagai aktiviti kebajikan dan program sosial seperti Misi Bantuan Banjir di Pahang dan Kelantan serta Kembara Amal Bermotosikal di negeri Perak. Di samping itu, MyIPO turut menganjurkan program bagi meraikan warga kerja seperti Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Sambutan Hari Raya. Program-program lain termasuklah aktiviti kerohanian seperti bacaan Yassin, kelas mengaji Al-Quran dan kuliah agama.

A total of 2,349 Copyright Voluntary Notification were received, which saw a mark increased of 93.2% compared to last year.

A total of 32,106 industrial property registrations were recorded, an increase of 1.4% (2013:31,671). From the total registrations, 2,762 were granted patents, an increase of 2.6% (2013:2,691), and 27,428 were trade marks registrations, an increase of 1.7% (2013:26,979). For industrial designs 1,891 applications were registered, a decrease of 5.5% (2013:2,001). There were 25 geographical indications were registered (2013:0).

MyIPO has continued with its intensive awareness campaign throughout 2014 as an effort to increase public awareness on the importance of intellectual property protection as well as to encourage registrations. Throughout 2014, MyIPO has organised a total of 193 intellectual property awareness programmes which include seminars, workshops, trainings and exhibitions on across the country.

MyIPO continuously carrying out outreach activities throughout the year and organising the second series of IP Summer Camp Programme In September 2014.

Corporate Social Responsibility (CSR)

MyIPO continues to engage with the community by actively organising social activities as part of our Corporate Social Responsibility (CSR). Among the highlights of the activities that have been carried out were Flood Relief Mission in Pahang and Kelantan and Motorcycle Charity Convoy in Perak. MyIPO has also organised programmes like Majlis Berbuka Puasa and Majlis Sambutan Hari Raya. Other activities held include Yassin recitation, Qur'anic and Tajwid classes and religious talks.

Perancangan 2015

MyIPO akan terus memainkan peranan penting sebagai organisasi yang mampu mencorakkan pembangunan harta intelek di negara kita.

Sehubungan dengan itu, beberapa program dan inisiatif baharu akan dilaksanakan pada 2015. Antaranya adalah Global IP Valuation Conference (GIPVC) siri kedua, Pelan Halatuju IP Financing dan IP Marketplace, Program Pemerksaan Penglibatan Bumiputera dalam Industri Harta Intelek, Technology Innovation Support Centre (Patent Libraries), Patent Analytics dalam bidang IT (dengan kerjasama MIMOS), IP Handbook untuk Cap Dagangan, Program Sekolah Angkat MyIPO dan Kajian Sistem Pengurusan Harta Intelek Malaysia (SPHIM).

Penghargaan

Bagi pihak MyIPO, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada seluruh warga kerja MyIPO, stakeholders dan pihak media atas sokongan dan kepercayaan kepada MyIPO dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik serta efisien.

Akhir kata, adalah diharapkan agar hubungan kerjasama yang sedia terjalin dapat dikekalkan dan diperkukuh dikalangan komuniti harta intelek ke arah mencapai objektif dan matlamat bersama.

Terima kasih.

2015 Plans

MyIPO will continue to play its role in organising more activities and programmes to compound towards advancement of intellectual property in our country.

A number of new programmes and initiatives planned will be implemented in the year 2015. Among others, the second Global IP Valuation Conference (GIPVC), IP Financing Roadmap and IP Marketplace, Empowering Bumiputera Participation in the Intellectual Property Industry, Technology Innovation Support Centre (Patent Library), Patent Analytics in IT (in collaboration with MIMOS), IP Handbook for Trade Marks, School Adoption Programme and 'Kajian Sistem Pengurusan Harta Intelek Malaysia' (SPHIM).

Appreciation

On behalf of MyIPO, I would like to express my sincere gratitude to MyIPO officers, stakeholders and the media for their continuous support and belief in MyIPO to provide the best and efficient services.

Finally, it is hoped that this supportive and good cooperation can be protracted among intellectual property communities towards achieving our objectives and goals.

Thank you.

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail

Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia

Perutusan Ketua Pengarah

Director General's Foreword

Assalamualaikum

*Warakmatullahi Wabarakatuh
dan Salam 1Malaysia*

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan izinNya maka MyIPO dapat menerbitkan Laporan Tahunannya bagi tahun 2014. Laporan Tahunan ini bukan sahaja merakamkan projek dan program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014 malahan sebagai kayu pengukur dalam menilai prestasi MyIPO secara keseluruhan.

Pada 2014, MyIPO telah menerbitkan buku Dasar Sumber Manusia dan Kit Pengenalan Skim Perkhidmatan Harta Intelekt sebagai rujukan dan panduan kepada seluruh warga kerja MyIPO. Penerbitan dasar ini adalah inisiatif yang baik dalam usaha meningkatkan kefahaman seluruh warga kerja MyIPO mengenai skim perkhidmatan MyIPO.



YBRS Puan Shamsiah binti Kamaruddin

Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelekt Malaysia

Director General of Intellectual Property Corporation of Malaysia

Alhamdulillah, all thanks to Allah S.W.T with His Mercy that MyIPO is able to complete its 2014 Annual Report. This Annual Report does not only capture the projects and programmes implemented throughout 2014 but also serves as an evaluation tool for MyIPO's overall performances.

In 2014, MyIPO has published a book on Human Resource Policy and Intellectual Property Service Scheme Introduction Kit as a reference and guide for all MyIPO's employees. This policy is a proof and an effort to improve the standard and quality of MyIPO's employees to MyIPO special scheme of service.

Ia turut merangkumi Pelan Pembangunan Kerjaya bagi membantu warga kerja MyIPO mendapat kemahiran dan pengalaman berkaitan dengan bidang tugas masing-masing. Inisiatif ini seterusnya dapat mengukuhkan keupayaan organisasi untuk terus mencapai kecemerlangan dalam pentadbiran harta intelek di Malaysia.

Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti kerja, MyIPO memperluas lagi pelaksanaan program 'Work From Home' fasa kedua. Program ini diteruskan kerana terdapatnya peningkatan produktiviti sebanyak 30% bagi setiap pegawai yang terlibat.

Saya juga berbangga dengan usaha dan kesungguhan kami menerbitkan buku Patent Drafting Manual For Beginners kepada IP practitioners dan pihak-pihak yang berkepentingan. Penerbitan buku manual ini merupakan suatu komitmen kami bagi membantu pemilik-pemilik harta intelek khususnya pereka cipta mengenai teknik-teknik pendrafan spesifikasi paten.

Dalam aspek meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai harta intelek, MyIPO giat menjalankan aktiviti turun padang di seluruh negara. MyIPO telah memperkenalkan program IP Summer Camp sejak 2013 sebagai sebahagian daripada kempen kesedaran di kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah. Siri kedua

This includes an Employee's Career Path Development Plan for MyIPO personnel in gaining specific skills and experience related to their works. This initiative will further strengthen the organisation's ability to continue to excel in the administration of intellectual property in Malaysia.

In an effort to increase work efficiency and quality, MyIPO has continued with its second phase of 'Work From Home' programme. This programme has been proven successful as the participated officers marked an increase of 30% productivity in their productivity.

I am also proud with our effort in making the Patent Drafting Manual for Beginners possible to be referred by the IP practitioners and the relevant parties at large. This initiative shows our commitment in facilitating IP owners especially inventors in drafting the technicalities in patent specifications.

MyIPO has carried out continuously aggressive outreach programmes throughout the country with the aim to increase the level of IP awareness among the public. MyIPO has introduced an IP Summer Camp programme since 2013 as part of the awareness campaign for the students at the secondary school level.



program ini telah diadakan pada September 2014 di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra Kedah. Program tersebut telah memberi peluang kepada para pelajar untuk mengenali harta intelek dengan lebih mendalam.

Selain itu, MyIPO turut menerbitkan Buku Ulangtahun Kespuluh MyIPO yang telah dilancarkan pada 28 Januari 2014. Pada masa yang sama, MyIPO turut meneruskan penerbitan MyIP Bulletin dan Statistical Booklet yang bertujuan berkongsi maklumat mengenai perkembangan harta intelek.

Dalam konteks penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan, MyIPO turut mewujudkan IP Renewal Lounge bagi memberi kemudahan kepada pelanggan untuk mendapatkan maklumat pembaharuan harta intelek seperti yuran dan prosedur. Ia merupakan 'one-stop centre' yang boleh diakses melalui laman web MyIPO.

MyIPO turut menerima kunjungan delegasi dari negara luar seperti Pejabat Harta Intelek yang bertujuan untuk menjalin kerjasama strategik dalam bidang harta intelek. Antara negara-negara tersebut adalah Jepun, Kesatuan Eropah, China, Thailand dan Nepal.

Berpaksikan kepada momentum ini, saya berharap seluruh warga kerja MyIPO bersama-sama komuniti harta intelek akan terus komited dalam usaha memajukan bidang harta intelek di negara ini.

Terima kasih.

The second programme was held in September 2014 in Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra Kedah. This gives an opportunity for the students to get to know intellectual property in greater depth.

On 28 January 2014, MyIPO has launched its 10th Anniversary Coffee Table Book. MyIPO continues to publish MyIP Bulletin and Statistical Booklet to share and disseminate information on the current development of intellectual property.

In order to improve our service delivery system, MyIPO has also established an IP Renewal Lounge to help the registered intellectual property owners in obtaining information on the renewal of intellectual property. It acts as a 'one-stop centre' and is accessible in MyIPO's website.

MyIPO has also received numerous courtesy visits from foreign delegations and international Intellectual Property Offices of Japan, European Union, China, Thailand and Nepal with the objective to establish strategic cooperation in intellectual property fields.

With this momentum, I hope that my team will continuously and efficiently commit together with the relevant intellectual property communities to more progressive in the nation's intellectual property arena.

Thank you.

YBRS Puan Shamsiah binti Kamaruddin

Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Director General of Intellectual Property Corporation of Malaysia

“A leader
is someone who demonstrates
what’s possible”

Anggota Perbadanan
Members of Corporation

Anggota Perbadanan

Members of Corporation

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail telah dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2010.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains Politik dari Golden State University, California, Amerika Syarikat.

Beliau adalah Ahli Parlimen bagi kawasan Paya Besar, Kuantan, Pahang. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian, Pengerusi Majlis Perunding Koperasi dan Pengerusi Rakan Alam Sekitar bagi Parlimen Paya Besar dan Ahli Lembaga Pengarah Felcra Berhad.

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail was appointed as Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2010.

He holds a Masters in Political Science from Golden State University, California, USA.

He is a Member of Parliament for Paya Besar constituency, Kuantan, Pahang. He is also a Chairman of Agricultural Development Council, Consultative Council of Co-operatives and "Rakan Alam Sekitar" for the Paya Besar constituency and Board Member of Felcra Berhad.



**YB DATO' HAJI ABDUL MANAN
BIN ISMAIL**

Pengerusi
Chairman

YBhg. Datuk Seri Panglima Tham Nyip Shen telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Mac 2011.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dan Elektrik (Kepujian) dari University of Manchester. Beliau adalah Pengerusi Ecoglove Asia Pacific Sdn Bhd, yang menjadi peneraju dalam bidang teknologi pemprosesan semula sarung tangan automatik di dunia.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit, Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan.

YBhg. Datuk Seri Panglima Tham Nyip Shen was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 March 2011.

He graduated with a BSc (Hons) in Electronic and Electrical Engineering from University of Manchester. He is the founder and Executive Chairman of EcoGlove Asia Pacific Sdn Bhd, the pioneer in automatic glove reprocessing technology in the world.

At MyIPO, he is currently the Chairman of Audit Committee, a Member of Nomination and Remuneration Committee as well as Investment Committee.



**YBHG. DATUK SERI PANGLIMA
THAM NYIP SHEN**

Anggota Perbadanan

Members of Corporation

YBhg. Dato' Basaruddin bin Sadali telah dilantik menjadi Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 5 Februari 2014.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari University of Syracuse, New York.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran dan pengurusan organisasi. Antara jawatan utama yang pernah disandang oleh beliau ialah Pengarah Bahagian Saraan (2009) dan Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi (2010) di Jabatan Perkhidmatan Awam. Kini, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Francais dan Kepenggunaan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan serta Ahli Jawatankuasa Pelaburan.

YBhg. Dato' Basaruddin bin Sadali was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 5 February 2014.

He holds a Bachelor of Arts from University of Malaya and a Master Degree in Public Administration from University of Syracuse, New York.

He has extensive experience in administering and managing of an organization. Among the key positions he has held was Director of Remuneration Division (2009) and as Director of Organisational Development Division (2010) at Public Service Department of Malaysia. Currently, he is the Deputy Secretary General (Franchise and Consumerism), Ministry of Domestic Trade, Co-Operatives and Consumerism.

At MyIPO, he is the Chairman of Nomination and Remuneration Committee and a Member of Investment Committee.



**YBHG. DATO' BASARUDDIN
BIN SADALI**

Encik Peter Desmond Wee Tian Peng telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 15 Januari 2010.

Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Surrey, London.

Beliau merupakan Presiden Malaysian Intellectual Property Association (MIPA), Ahli Jawatankuasa Harta Intelek Majlis Peguam, Ahli Asian Patent Attorney Association (APAA) dan Ahli Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS).

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan.

Mr Desmond Wee Tian Peng was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 15 January 2010.

He earned his Bachelor's Degree of Laws (LLB Hons.) from University of Malaya and Masters of Business Administration from University of Surrey, London.

He is the President of Malaysian Intellectual Property Association (MIPA), a Member of the Intellectual Property Committee Bar Council, a Member of Asian Patent Attorney Association (APAA) and a Member of Malaysian Invention and Design Society (MINDS).

At MyIPO, he sits as the Chairman of Investment Committee as well as a Member of Nomination and Remuneration Committee.



**ENCIK PETER DESMOND
WEE TIAN PENG**

Anggota Perbadanan

Members of Corporation

YBrs. Puan Shamsiah binti Kamaruddin telah dilantik sebagai Ketua Pengarah dan Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 1 September 2014.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi/Kewangan dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari New Hampshire College, USA.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Lembaga Perolehan B dan Jawatankuasa Kontrak dan Sebutharga. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan.

YBrs. Puan Shamsiah binti Kamaruddin was appointed as Director General and a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 September 2014.

She earned her Bachelor Degree of Science in Economics/Finance and Master of Business Administration (MBA) from New Hampshire College, USA.

At MyIPO, she is the Chairman of Procurement Board B and Contract and Quotation Committee. She is also a member of Investment Committee and Nomination and Remuneration Committee.



**YBRS. PUAN SHAMSIAH
BINTI KAMARUDDIN**

YM Tunku Datuk Nazihah binti Tunku Mohd Rus telah dilantik menjadi Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 16 November 2014.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sijil Dalam Diplomasi, Universiti Oxford, United Kingdom.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang diplomasi dengan memulakan kerjaya sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Luar Negara semenjak tahun 1969. Pada tahun 1997, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pentadbiran dan Hal Ehwal Am) dan seterusnya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Hal Ehwal Pelbagai Hala), Kementerian Luar Negara pada tahun 1999. Jawatan terakhir beliau sebelum bersara adalah Duta Besar Malaysia di Republik Perancis yang turut ditauliahkan serentak bagi Republik Portugal.

Di MyIPO, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Audit.

YM Tunku Datuk Nazihah binti Tunku Mohd Rus was appointed as a Corporation Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 16 November 2014.

She holds a Bachelor of Arts (Hons.) from University of Malaya and Certificate in Diplomacy from Oxford University, United Kingdom.

She has extensive experience in diplomacy by beginning her career as Assistant Secretary at Ministry of Foreign Affairs since 1969. In 1997, she was appointed as Deputy Secretary General (Administration and General Affairs) and thereafter as Deputy Secretary General (Multilateral Affairs), Ministry of Foreign Affairs in 1999. Her last position before retirement was an Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary of Malaysia to the Republic of France and concurrently accredited to the Republic of Portugal.

At MyIPO, she is a Member of Investment and Audit Committee.



**YM TUNKU DATUK NAZIHAH
BINTI TUNKU MOHD RUS**

Anggota Perbadanan

Members of Corporation

YBrs. Puan Lailah binti Che Mohd Darus telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 15 Mei 2014.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Ohio.

Memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam semenjak tahun 1982 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Awam, beliau kini merupakan Setiausaha Bahagian Inovasi dan Pengkomersilan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Di MyIPO, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaburan, Ahli Jawatankuasa Audit serta Ahli Jawatankuasa Kontrak.

YBrs. Puan Lailah binti Che Mohd Darus was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 15 May 2014.

She holds a Bachelor of Arts (Hons.) from University of Kebangsaan Malaysia and Master of Business Administration (MBA) from Ohio.

Starting her career in public service since 1982 as Assistant Secretary at the Ministry of Public Enterprises, she is currently the Under Secretary of Innovation and Commercialisation Division in Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).

At MyIPO, she is a Member of Investment Committee, Member of Audit Committee as well as Procurement Board B.



**YBRS. PUAN LAILAH
BINTI CHE MOHD DARUS**

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 1 Januari 2014. Beliau memiliki Diploma Pengurusan/Pentadbiran Perniagaan dari Newlands International College, Ireland, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Columbia Holistic University, California, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of New Castle, Amerika Syarikat.

Beliau pernah menjadi Setiausaha Politik kepada YAB Ketua Menteri Sarawak (2007 - 2009).

Kini, beliau adalah Ahli Majlis Kerja Tertinggi Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB) dan juga Ahli Parlimen bagi kawasan Sibuti, Sarawak.

Di MyIPO, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Audit serta Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan.

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 January 2014.

He holds a Diploma of Business Management/ Administration from Newlands International College, Ireland, Bachelor of Business Administration from Columbia Holistic University, California, USA and Master of Business Administration (MBA) from University of New Castle, USA.

He has served as Political Secretary to the Chief Minister of Sarawak (2007 - 2009).

Currently, he is a Member of Supreme Council Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB) as well as Member of Parliament for Sibuti, Sarawak.

At MyIPO, he is a Member of Audit Committee as well as Nomination and Remuneration Committee.



**YB TUAN HAJI AHMAD LAI
BIN BUJANG**

Anggota Perbadanan

Members of Corporation

YBrs. Tuan Mad Yusoff Abdul Rahman telah dilantik menjadi Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 1 Julai 2014.

Memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam semenjak tahun 1981 sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Imigresen Malaysia, beliau kini merupakan Ketua Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

Di MyIPO, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan.

YBrs. Tuan Mad Yusoff Abdul Rahman was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 July 2014.

Starting his career in public service since 1981 as Assistant Director at the Department of Immigration Malaysia, he is currently the Head of Section, Central Contract and Panel, Government Procurement Division, Ministry of Finance.

At MyIPO, he is a Member of Audit Committee and Investment Committee.



**YBRS. TUAN MAD YUSOFF
ABDUL RAHMAN**

“with teamwork
nothing is impossible”

Shamsiah Kamaruddin

Kumpulan Pengurusan

Management Team

Kumpulan Pengurusan

Management Team



Mohd Shahr bin Osman

Timbalan Ketua Pengarah (Korporat)
*Deputy Director General
(Corporate)*

Shamsiah binti Kamaruddin

Ketua Pengarah
Director General

Abdul Aziz bin Ismail

Timbalan Ketua Pengarah
(Harta Industri)
*Deputy Director General
(Industrial Property)*



Zulkarnain bin Muhammad

Pengarah Kanan Bahagian Paten
*Senior Director
of Patent Division*



Siti Eaisah binti Mohamad

Pengarah Kanan Bahagian Dasar
dan Perhubungan Antarabangsa
*Senior Director of Policy and
International Affairs Division*

(Vacant)

Pengarah Kanan Bahagian Cap
Dagangan & Petunjuk Geografi
*Senior Director of Trade Mark
& Geographical Indications Division*



Mohd Faiizudin bin Mohd Sharuji

Pengarah Bahagian Reka Bentuk dan
Perindustrian
*Director
of Industrial Design Division*



Sh. Arifin bin Sh. Mohd Noor

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
*Director of Management Services
Division*



Mohamed Fairuz bin Mohd Pilus

Pengarah Bahagian Hakcipta
*Director
of Copyright Division*

Kumpulan Pengurusan

Management Team



Norsita binti Ismail

Pengarah Bahagian Pembangunan
Perniagaan

*Director of Business
Development Division*



Fatimah Rohada binti Dahalan

Pengarah Seksyen Pemeriksaan Paten
(Kejuruteraan)

*Director of Patent
Examination (Engineering)*



Kamal bin Kormin

Pengarah Seksyen Pemeriksaan
Paten (Sains & Pengetahuan
Traditional)

*Director of Patent Examination
(Applied Science)*



Zuraidah binti Mohd Jamil

Pengarah Bahagian R&D
Director of R&D Division



Azizah binti Abd. Muis

Ketua Akauntan
Chief Accountant



Cheng Oi Ting

Penasihat Undang-Undang
Legal Advisor



Jamilah binti Kamaruddin

Ketua Bahagian Komunikasi
Korporat

*Head of Corporate
Communication Division*



Nur Azrina binti Abdul Aziz

Ketua Bahagian Audit Dalam &
Pengurusan Kualiti

*Head of Internal Audit and
Quality Management Division*



Mohd Nor Hafiz bin Abd. Munir

Ketua Bahagian Integriti

Head of Integrity Division



Asmawati binti Omar

Setiausaha Perbadanan
Corporation Secretary



Wan Ahmad Bukhari bin Wan Zakaria

Pengurus Bahagian Teknologi
Maklumat

*Manager Information
Technology Division*



Yusnieza Syarmila binti Yusoff

Pengarah Cawangan Sabah
Director of Sabah Branch

Kumpulan Pengurusan

Management Team



Vincent Lejau

Pengarah Cawangan Sarawak
Director of Sarawak Branch



Mohd Suhezey bin Shafie

Pengarah Cawangan Zon Selatan
(Johor Bahru)
*Director of Southern Zone
(Johor Bahru)*



Nur Saidatun Sheila binti Talib

Pengarah Cawangan Zon Timur
(Kuantan)
*Director of East Coast Zone
(Kuantan)*



Fairos binti Roslim

Pengarah Cawangan Zon Utara
(Pulau Pinang)
*Director of Northern Zone
(Pulau Pinang)*



Mohd Khairi bin Mohd Sahrum

Pengarah Cawangan Melaka
Director of Melaka Branch

“The patent system
added the fuel of interest
to the fire of genius”

Abraham Lincoln

Prestasi Harta Intelek

Intellectual Property Performance

Paten

Patents

Paten dan Perbaharuan Utiliti

Patents and Utility Innovations

• Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti

Sejumlah 7,760 permohonan paten dan perbaharuan utiliti telah difailkan dengan peningkatan sebanyak 5.6% (2013:7,350). Permohonan tempatan menyumbang sebanyak 1,439 permohonan atau 18.5% manakala 6,321 atau 81.5% adalah permohonan luar negara.

Jumlah permohonan tempatan meningkat 13.4% (2013:1,269), dan permohonan luar negara turut menunjukkan peningkatan sebanyak 3.9% (2013:6,081). Statistik Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti dari 2010 sehingga 2014 adalah seperti di Jadual 1 dan Rajah 1.

• *Patents and Utility Innovations Applications*


A total of 7,760 applications for patents and utility innovations applications were filed, an increase of 5.6% (2013:7,350). Local applications contributed to 1,439 or 18.5%, while foreign applications contributed to 6,321 or 81.5%.

